

03 APR 2001

SAHAM-MAHATHIR

BUMIPUTERA PERLU KERJASAMA UTK CAPAI SASARAN 30 PERATUS EKUITI

KUALA LUMPUR, April 3 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sasaran ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat tidak akan tercapai sampai bila-bila jika saham yang telah diberikan dijual balik.

"Oleh itu, kaum Bumiputera haruslah bekerjasama (dalam mencapai sasaran) dan bukan-Bumiputera harus berkongsi dengan Bumiputera", katanya kepada pemberita selepas membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam RRJP3, sasaran pencapaian ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat masih 30 peratus setelah usaha-usaha dalam RRJP2 hanya menunjukkan pencapaian sebanyak 19.1 peratus.

Ketika ditanya sama ada pengagihan saham patut dikaji semula, Dr Mahathir berkata pengagihannya telahpun dikaji semula dahulu apabila individu yang diberi saham telah menjual semula kepentingan mereka.

Oleh sebab itu, kerajaan telah menubuhkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan hasilnya, kegiatan menjual balik kepentingan Bumiputera mula berkurangan.

Dr Mahathir berkata individu juga diberikan saham tetapi terhad kepada kakitangan syarikat atau syarikat yang mempunyai sinergi.

Tetapi kali ini penjualan balik saham yang berlaku adalah disebabkan oleh kegawatan ekonomi di mana banyak syarikat Bumiputera menghadapi masalah dan mereka tidak boleh disalahkan, katanya.

Ketika ditanya sama ada sasaran pertumbuhan sebanyak 7.5 peratus di bawah RRJP3 boleh tercapai, perdana menteri berkata Malaysia boleh mencapai sasaran itu jika ekonomi dunia pulih.

Sebagai sebuah negara perdagangan, ia tidak boleh berkembang jika pasaran dunia tidak memberangsangkan, kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau yakin bahawa negara boleh mengulangi kadar pertumbuhan ekonomi yang baik sebelum ini dan jika tidak disebabkan krisis kewangan 1997/1998, Malaysia boleh memperolehi pertumbuhan yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan sebelum ini.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai laporan media asing yang memetik agensi penarafan antarabangsa sebagai berkata bahawa ekonomi Malaysia lebih rendah berbanding Indonesia.

Dr Mahathir berkata itu adalah hak mereka tetapi beliau menganggap kebanyakan agensi penarafan antarabangsa adalah "bodoh".

Ini kerana kesemua ramalan mengenai Malaysia adalah salah dan mereka yang membaca ramalan-ramalan agensi berkenaan hanya menipu diri sendiri, katanya.

"Sejumlah majalah, agensi mendakwa mereka arif mengenai keadaan ekonomi dunia tetapi mengenai Malaysia mereka sering silap."

"Mereka sejak awal lagi telah berulang kali mengatakan bahawa Malaysia tidak akan mencatatkan pertumbuhan, sentiasa tidak stabil, bahawa orang Melayu akan menipu orang Cina, merompak orang Cina dan jika berlaku masalah yang kecil sekalipun, kita tidak akan pulih," katanya.

Dan setiap kali juga Malaysia telah membuktikan bahawa ramalan mereka adalah salah, kata perdana menteri.

Mengenai RRJP3, Dr Mahathir berkata kerajaan telah menggariskan rancangan-rancangan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan membantu rakyat sepanjang tempoh 10 tahun akan datang.

Katanya, kerajaan telah membuktikan bahawa rancangan yang dirumuskan 10

tahun lepas ke arah mencapai status sebuah negara maju telah berjaya.

Kalau tidak kerana kemelesetan ekonomi, Malaysia sudah pasti mencapai kadar pertumbuhan yang jauh lebih tinggi, kata beliau.

Mengenai penubuhan sebuah amanah saham negara, Dr Mahathir berkata ia mungkin lanjutan daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB). -- BERNAMA

SHO MKO AA